

# UJIAN BULANAN SESI AKADEMIK 2

| MARKAH     |            |            |            |        |
|------------|------------|------------|------------|--------|
| BAHAGIAN A | BAHAGIAN B | BAHAGIAN C | BAHAGIAN D | JUMLAH |
| 10         | 10         | 10         | 20         | 50     |

Satu jam lima belas minit

## Bahagian A [10 markah]

### Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Program ceramah motivasi itu mendapat sokongan \_\_\_\_\_ daripada seluruh warga sekolah.
- A gagah  
B teguh  
C padu  
D kukuh

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Budak lelaki itu sedang asyik bermain \_\_\_\_\_ sabun yang berwarna-warni.
- A bebuli  
B gegasing  
C bebuih  
D bebola
- 3 Faizal \_\_\_\_\_ menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan akan pergi ke sana pada minggu hadapan.
- A telah  
B pernah  
C belum  
D hendak

### Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 4 I Kain songket itu sungguh cantik dibuat daripada benang sutera  
II Petani itu turun ke bendang dengan sebatang cangkul dan sebilah parang.  
III Para pelajar yang berjaya akan diraikan dalam suatu majlis khas.  
IV Pak Halim memberitahu polis sehingga dia kenal orang itu.
- A I dan II  
B II dan III  
C I dan IV  
D III dan IV

### Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 5 I Saya selalu diingatkan agar menjadi lelaki yang matang dan masak.  
II Kakak tidak pergi melancong kerana kandungannya sudah cukup masak.  
III Buah durian yang sudah cukup masak akan gugur dengan sendiri.  
IV Anak-anaknya sudah masak dengan perangai ayahnya yang pemalas.
- A I dan II  
B II dan III  
C I dan IV  
D III dan IV

## Soalan 6 hingga 8

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Malaysia terkenal di mata dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan, Murut dan lain-lain.

Penduduk Malaysia bebas bergaul antara satu sama lain. Hal ini dapat dibuktikan apabila tiba musim perayaan bagi sesuatu kaum, kaum yang lain akan turut sama meraikannya. Hubungan mereka bagai aur dengan tebing. Sekiranya berlaku bencana alam seperti banjir, kemarau atau sebagainya, setiap kaum akan berkerjasama dan tolong-menolong antara satu sama lain tanpa mengira taraf hidup, agama dan bangsa. Penduduk Malaysia menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa perantaraan. Dalam setiap urusan, mereka menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung. Di samping itu, setiap kaum masih boleh menggunakan bahasa ibunda mereka.

Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi. Walaupun agama Islam adalah agama rasmi, namun rakyat bebas menganut agama masing-masing. Mereka juga bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing.


Semangat persaudaraan terjalin erat dalam kalangan penduduk Malaysia. Hal ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan membangun.

- 6 Apakah yang menyebabkan Malaysia terkenal di mata dunia?
- A Sebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum.
  - B Sebuah negara yang mempunyai pelbagai perayaan.
  - C Sebuah negara yang menggunakan Bahasa Melayu untuk berhubung.
  - D Sebuah negara yang sering mengalami bencana alam.
- 7 Apakah bahasa rasmi yang digunakan oleh penduduk Malaysia?
- A Bahasa Mandarin
  - B Bahasa Tamil
  - C Bahasa Melayu
  - D Bahasa Inggeris
- 8 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan tersebut.
- A Penduduk Malaysia hanya boleh menganut agama Islam.
  - B Penduduk Malaysia bebas mengamalkan kebudayaan masing-masing.
  - C Negara Malaysia hanya terdapat kaum Melayu, Cina dan India.
  - D Agama Islam bukan agama rasmi penduduk Malaysia

### Soalan 9 dan 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### Bahan 1



#### Bahan 2

Asam keping berasal daripada buah asam gelugur. Asam gelugur adalah sejenis buah yang boleh diperolehi dari pokok asam gelugur. Jika diperhatikan dari segi morfologinya, pokok asam gelugur lebih tinggi dari pokok-pokok yang lain dan ketinggiannya boleh mencecah 10 hingga 15 meter.

Daunnya pula berbentuk bujur memanjang dan buah asam gelugur *berketak* di sekelilingnya. Buah asam gelugur yang muda berwarna hijau manakala buahnya yang sudah matang berwarna kuning.

Pada kebiasaannya, buah yang telah matang akan dikait dengan menggunakan galah. Kadang kala buah asam gelugur ini boleh dijumpai gugur di atas tanah kerana sudah terlalu masak. Untuk membuat asam keping, buahnya akan di potong setebal 3 mm. Kemudian ia akan disusun di atas permukaan yang rata dan di jemur di bawah panas matahari selama 4 hingga 7 hari.

Daunnya pula berbentuk bujur memanjang dan buah asam gelugur *berketak* di sekelilingnya.

- 9 Maksud perkataan *berketak* dalam petikan di atas ialah
- A berkedut-kedut.
  - B berbaris-baris.
  - C berpetak-petak.
  - D bergaris-garis.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Sebelum asam keping dijemur, kita hendaklah membungkus asam keping terlebih dahulu.
  - B Pemeriksaan kualiti dilakukan pada langkah yang pertama dalam proses penghasilan asam keping.
  - C Asam keping dan asam gelugur merupakan buah yang sama dari sebatang pokok.
  - D Pokok asam gelugur lebih rendah berbanding pokok-pokok lain yang ada di Malaysia.

**Bahagian B**  
[10 markah]

**Soalan I**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Ismail mempunyai sebuah motosikal berjenama Honda. Motosikal itu dibuat di sebuah kilang di Bayan Lepas. Motosikal itu diperbuat daripada besi dan dicat dengan warna merah.

Motosikal itu digunakan oleh Encik Ismail untuk menghantar anaknya ke sekolah dan pergi ke tempat kerja. Oleh itu, Encik Ismail sekeluarga bersyukur kerana memiliki motosikal itu. Setiap hujung minggu, Encik Ismail dan anaknya akan membasuh motosikal tersebut.

a) Warna motosikal Encik Ismail ialah \_\_\_\_\_.  
[1 markah]

b) Mengapakah Encik Ismail sekeluarga bersyukur mempunyai motosikal tersebut?  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
[2 markah]

c) *Gariskan satu kata nama am yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Motosikal itu dibuat di sebuah kilang di Bayan Lepas.

[1 markah]

d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.*

Setiap hujung minggu, Encik Ismail dan anaknya akan membasuh motosikal.

|                                                                       |  |
|-----------------------------------------------------------------------|--|
| Anak Encik Ismail akan membasuh motosikalnya setiap hujung minggu.    |  |
| Encik Ismail dan anaknya akan membasuh motosikal setiap hujung minggu |  |

[1 markah]



**Bahagian C**  
[10 markah]

Gambar di bawah menunjukkan amalan kitar semula.

Tulis pendapat kamu tentang **kebaikan amalan kitar semula**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.





**Bahagian D**  
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.

